SKRIP TEATER 3 NEGARA

Penulis:
Rosdi Abdullah

E-mel:
rosde@uthm.edu.my

Abstrak: Skrip Teater 3 Negara adalah salah satu usaha untuk memberi dua versi skrip iaitu dalam Bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Melayu. Hal ini kerana banyak pertandingan dan pementasan yang memerlukan skrip dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di sekolah dan di IPT. Skrip teater ini telah lama disimpan dan ianya haruslah dikongsi kepada umum terutama penggiat seni teater, guru-guru, para pelajar sekolah, mahasiswa mahasiswi Universiti dan kolej serta masyarakat yang menggemari teater. Karya skrip teater dari 3 negara ini mempunyai latar cerita yang sangat menarik dan jika ianya dipentaskan sudah pasti penonton dapat merasai adat budaya tiga negara ini. Diharap dengan adanya buku ini, ianya menjadi platform kepada semua penggiat teater untuk mementaskan teater dari buku ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar dan penggiat teater.

Kata Kunci: Skrip, terjemahan, teater, latar

KUMPULAN SKRIP TEATER & TERJEMAHAN

Skrip TEATER 3 Negara

ROSDI ABDULLAH

Penerbit UTHM

SKRIP TEATER 3 NEGARA

ROSDI ABDULLAH

KUMPULAN SKRIP TEATER & TERJEMAHAN

Skrip TEATER 3 Negara

KUMPULAN SKRIP TEATER & TERJEMAHAN

Skrip TEATER 3 Negara

ROSDI ABDULLAH

Penerbit UTHM
2024

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 3 18/6/2024 8:59:24 AM

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Penulis:
Rosdi Abdullah

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: http://penerbit.uthm.edu.my
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
http://e-bookstore.uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-051-6

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 4 18/6/2024 8:59:24 AM

Isi Kandungan

Prakata *vii*
Penghargaan *ix*
Pengenalan *xi*

BAB 1
Al- Isra' (Kisah Dari Surah Al-Isra') 1
Al- Isra' (Story from the Verse of Al-Isra) 35

BAB 2
Abdul Rahman Andak 67
Abdul Rahman Andak (Terjemahan) 89

Percuma 2 Skrip Teater Terjemahan Barat & Asia
Lagu Jacob Zulu 111
Musim Luruh di Istana Han 247

Penutup *283*
Biografi Pengarang *285*

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 5 18/6/2024 8:59:24 AM

Prakata

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, buku *Skrip Teater 3 Negara* berjaya dihasilkan. Skrip teater *The Song of Jacob Zulu* (Afrika Selatan) dan *Autumn in Han Palace* (China) ini saya perolehi sewaktu saya belajar di Pusat Kebudayaan Universiti Malaya. Manakala skrip teater Al- Isra' (Kisah Dari Surah AL-Isra') saya tulis sendiri sempena Festival Teater Negeri Johor 2012 dan setelah menjuarai Festival Teater Negeri Johor 2012, skrip Al-Isra (Kisah Dari Surah Al-Isra') ini berjaya dipentaskan di Panggung DBKL sempena Festival Teater Kebangsaan 2013. Skrip teater Abdul Rahman Andak pula adalah skrip dari Pengisahan Kenegaraan (sketsa pendek) yang idea asalnya ditulis oleh Puan Rahimah Muda dan Puan Rohaidah Yon, kemudian saya kembangkan menjadi sebuah teater panjang untuk bertanding di Festival Teater Negeri Johor, Alhamdulillah kami telah menjuarai Festival Teater Negeri Johor 2015 dengan membawa naskah Abdul Rahman Andak ini.

Skrip Teater 3 Negara adalah salah satu usaha untuk memberi dua versi skrip iaitu dalam Bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Melayu. Hal ini kerana banyak pertandingan dan pementasan yang memerlukan skrip dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di sekolah dan di IPT. Saya telah menyimpan lama skrip teater ini dan ianya harus dikongsikan kepada umum terutama penggiat seni teater, guru-guru, para pelajar sekolah,

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 7 18/6/2024 8:59:25 AM

mahasiswa mahasiswi Universiti dan kolej serta masyarakat yang menggemari teater.

Skrip dalam buku ini diterjemahkan oleh Mah Izzati Mashitah binti Mah Sinwanni dan En. Rosdi bin Abdullah sendiri. Diharap dengan adanya buku ini, ianya menjadi platform kepada semua penggiat teater untuk mementaskan teater dari buku ini, kepada mana-mana pihak yang hendak mementaskan skrip dari buku ini diharap dapatlah kiranya memberitahu penulis terlebih dahulu menerusi e-mel (rosde@uthm.edu.my).

Pengakhiran kata, semoga buku *Skrip Teater 3 Negara* ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar dan penggiat teater. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat, terutama editor UTHM, pejabat penerbit serta semua yang telah menjayakan pembikinan buku ini.

ROSDI BIN ABDULLAH
Pusat Kebudayaan Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 8 18/6/2024 8:59:25 AM

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan buku *Skrip Teater 3 Negara* ini secara langsung ataupun tidak. Skrip dalam buku ini terjemahanya dibantu oleh Mah Izzati Mashitah binti Mah Sinwanni, terima kasih yang tak terhingga kerana sudi bekerjasama menghasilkan buku ini.

Ribuan terima kasih juga kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTHM iaitu Prof. Madya Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail dan bekas Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti UTHM iaitu Dr. Mohd Nizam bin Attan kerana memberi sokongan kepada kami untuk menghasilkan buku ini.

Tidak dilupakan terima kasih yang tak terhingga juga kepada Pensyarah saya sewaktu di Universiti Malaya dahulu iaitu Dr. Roselina Khir Johari yang memberikan skrip teater *The Song of Jacob Zulu* (Afrika Selatan) dan *Autumn in Han Palace* (China) kepada saya.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada ahli keluarga yang banyak bertolak ansur dan memberi sokongan dalam pembikinan skrip dalam buku ini, terutama isteri saya Nur Atikah Syukor, anak-anak saya Sarah Orked, Jebat Maliq, Rumi Yusof dan Tuah Muhammad. Semoga buku ini memberi manfaat dan menjadi kebanggaan kepada semua.

ROSDI BIN ABDULLAH
Pusat Kebudayaan Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 9 18/6/2024 8:59:25 AM

Pengenalan

Buku ini mengandungi enam buah naskah skrip, dua skrip dalam Bahasa Inggeris dan empat lagi skrip dalam Bahasa Melayu. Skrip teater *The Song of Jacob Zulu* (Afrika Selatan) mengisahkan tentang perbicaraan ke atas seorang remaja lelaki berkulit gelap berasal dari Imbali meletupkan sebuah pusat membeli-belah akibat aparteid. Kisah di sebalik tindakannya terungkai sepanjang perbicaraan kesnya berlangsung. Kisah ini diadaptasi dari kisah benar yang berlaku di Afrika Selatan.

Manakala skrip *Autumn in Han Palace* (China) mengisahkan tentang seorang maharaja Han yang bertemu dengan cinta sejatinya secara kebetulan. Kisah percintaan mereka menjadi tragis apabila maharaja Han terpaksa melepaskan cintanya demi menjaga keamanan kerajaannya.

Skrip Al- Isra' (Kisah Dari Surah Al-Isra') mengisahkan tentang pembuangan bayi, kisah Adam yang dilahirkan sebagai anak luar nikah membesar dalam keluarga angkat, apabila dewasa Adam terjebak dalam zina sehingga bapa angkatnya meninggal dunia kerana tertekan. Kisah ini bertukar ke alam barzakh di mana pendosa-pendosa zina ditanya dan dihukum sebelum dicampak ke neraka.

Skrip Abdul Rahman Andak pula mengisahkan tentang seorang tokoh bernama Abdul Rahman bin Andak (1850 - 1930) yang bergelar Dato' Seri Amar Diraja adalah pembesar dan penasihat kepada Sultan di Johor. Tugas utama yang dilakukan oleh Dato' Seri Amar Diraja ini adalah mengawal hubungan

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 11 18/6/2024 8:59:25 AM

yang dijalankan di antara kerajaan Johor dengan pihak British agar hubungan berjalan dengan seimbang. Dengan begitu, British tidak dapat mengambil kesempatan untuk menguasai dan menjajah negeri Johor. Beliau telah menjalankan tugasnya dengan baik sehingga terdapat pihak British yang amat tidak menyukainya kerana sikapnya yang tegas terhadap mereka, iaitu Gabenor Anderson. Beliau juga adalah pejuang yang memartabatkan bahasa Melayu dan mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan tegas dalam memelihara kedaulatan negeri Johor.

Buku *Teater 3 Negara* adalah gabungan tiga negara iaitu Afrika Selatan, China dan Malaysia. Malah penulisan skrip dalam buku ini adalah dari tahun 1250 – 2023. Setiap skrip mempunyai latar belakang cerita tersendiri mengikut tahun, bukan sahaja penggiat teater boleh gunakan skrip ini untuk pementasan tetapi skrip ini juga sesuai untuk pembelajaran di dalam kelas penulisan dan sebagainya.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 12 18/6/2024 8:59:25 AM

Bab Satu

"Al-Isra'
(Kisah Dari Surah Al-Isra')"

Karya Penulisan:
Eddy Rusdi Abdullah

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 1 18/6/2024 8:59:25 AM

ADEGAN 1

Permulaan disampaikan subjek melalui fragmen dengan v/o marhaban PELAKON membuat gerakan.

Seorang PELAKON meniti titian siratul mustaqim.

ADAM:
Ya... Allah Ya Tuhanku… Kau ampunilah segala dosa-dosaku .. Dosa mereka dan dosa kami… Sesungguhnya aku buta… Buta hati, buta jiwa… Aku buta antara dosa dan pahala… Ya Allah ampunilah dosa-dosaku … Aku memohon padamu, Ya Allah… Aku kesal… Ya Allah…

Tamat gerakan, masuk ke lintas langsung berita, PEMBACA BERITA membuat lintas langsung.

PEMBACA BERITA:
SIBU 15 Sept. – Seorang bayi lelaki yang baru dilahirkan dan masih bertali pusat dicampak keluar dari sebuah kenderaan yang sedang bergerak sehingga menyebabkan kepalanya pecah. Perbuatan kejam itu berlaku di sebuah lorong di kawasan Perumahan Taman Rajang di sini malam tadi. Mayat bayi yang dibungkus dengan kertas surat khabar dan dimasukkan ke dalam beg plastik hitam itu ditemui seorang peniaga wanita yang kebetulan lalu di lorong berkenaan antara pukul 9 hingga 10 malam.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 2 18/6/2024 8:59:25 AM

ADEGAN 2

Di satu sudut masuk seorang wartawan yang sedang membuat liputan tentang kejadian pembuangan bayi.

WARTAWAN:
Kegembiraan sebuah keluarga menyambut Hari Raya Aidilfitri di Kampung Salor dekat sini terbantut apabila mereka dikejutkan dengan penemuan seorang bayi perempuan yang masih hidup dan ditinggalkan di beranda rumah keluarga itu, hari ini. Bayi seberat 2.5 kilogram itu ditemui oleh Mohssin Sheikh Mohammad, 50, selepas diberitahu oleh anak saudaranya berusia 19 tahun yang terdengar tangisan bayi berkenaan kira-kira pukul 8 pagi. Mohssin yang pulang bercuti di rumah keluarganya di kampung berkata, sebaik sahaja dimaklumkan, dia terus membuka pintu lalu mendapati bayi perempuan yang diselimutkan dengan kain lampin serta tuala itu diletakkan di atas beranda rumahnya.

Lagu raya… Suasana hari raya.

Seorang PELAKON sedang menyambut tetamu kemudian 3 orang PELAKON lain masuk ke pentas.

KORUS 2:
Hari-hari berita orang buang anak. Muka depan orang buang anak, tengah orang buang anak. Aku ni dah 5 tahun kahwin. Seorang anak pun tak ada lagi.

KORUS 4:
Hmm, macam mana kita ni, dah tiga tahun, asyik kita je yang tak dapat cuti.

KORUS 1:
Kau ingat kau je ke. Aku pun samalah. Itulah aku *tension* ngan bos ni.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 3 18/6/2024 8:59:25 AM

Bab Satu

(Terjemahan)

Al-Isra'

(Tale from the verse of Al-Isra')

Karya Penulisan:
Eddy Rusdi Abdullah

Diterjemah oleh:
Mah Izzati Mashitah binti Mah Sinwanni
&
Rosdi bin Abdullah

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 35 18/6/2024 8:59:26 AM

SCENE 1

The opening starts by fragment with v/o *marhaban,* ACTOR makes a move.

An ACTOR crosses the bridge of siratul mustaqim.

ADAM:
Oh... Allah, my God... Please forgive all my sins... Their sins and our sins... Indeed, I am blind... Blind in the heart, Blind in the soul... I am blind between sin and reward... Oh God, forgive my sins... I beg you Ya Allah... I'm sorry... Ya Allah...

Stop. Shift into the live news, ANNOUNCER announces a live news.

ANNOUNCER:
SIBU, 15th Sept. – A new-born baby boy who was still with umbilical cords was thrown out of a moving vehicle causing his head to rupture. This cruel act happened in an alley in the Taman Rajang housing area last night. A businesswoman who coincidentally walked in that alley found the body of a baby boy wrapped with newspaper in a black plastic bag between 9 and 10 at night.

SCENE 2

On the other side, enters a JOURNALIST who is covering the baby dumping incident.

JOURNALIST:
The joy of a family celebrating Eid al-Fitr in Kampung Salor was stunted when they found a baby girl who was still alive and left on the porch of the family's house today. The 2.5-kilogram baby was found by Mohssin Sheikh Mohammad, 50, after being

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 36 18/6/2024 8:59:26 AM

told by his 19-year-old nephew who heard the baby crying at about 8 in the morning. Mohssin, who returned from a holiday at his family's home in the village, said that as soon as he was informed, he immediately opened the door and found a baby girl wrapped in a diaper and a towel placed on the veranda of his house.

Eid's song… The mood of Eid al-Fitr.

An ACTOR welcoming the guests then 3 ACTORS enter the stage.

CHORUS 2:
Every day, there is always news about people abandoning children. Front page of people abandoning children, middle page of people abandoning children. I have been married for 5 years. I don't even have a child yet.

CHORUS 4:
Hmm, how about us, it's already been three years, it's always us who can't take time off.

CHORUS 1:
Not only you, but I also have to do the same thing. That's why I feel stress with the boss.

CHORUS 3:
Come on, guys… Stop it… Now we get to take the time off, so be grateful… It's Eid already… How about we go to Abe Mat's house?

CHORUS 4:
Eh, Mat is here?

CHORUS 3:
Haha… Of course… I came across him shopping in town yesterday.

CHORUS 4:
Try to say hello.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 37 18/6/2024 8:59:26 AM

Bab Dua

"Abdul Rahman Andak"

Karya Penulisan:
Eddy Rusdi Abdullah

Cerita asal (skrip pendek):
Rohaidah Yon & Rahimah Muda

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 67 18/6/2024 8:59:28 AM

PELAKON DAN WATAK:

1. ABDUL RAHMAN ANDAK
2. DAHLIA
3. ANDERSON
4. AWANG
5. MAK LEHA
6. KAMARIAH
7. SURAYA
8. SURIATI
9. HASSAN
10. SAZALI
11. MR. HENRY
12. LITA
13. PENARI KELAB 2
14. PENARI KELAB 3
15. PELAYAN CLUB (MENARI)
16. ZAIDI
17. ROKIAH
18. BUDAK KAMPUNG

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 68 18/6/2024 8:59:32 AM

SINOPSIS

Abdul Rahman bin Andak (1850-1930) yang bergelar Dato' Seri Amar Diraja adalah pembesar di Johor. Bapa beliau ialah Haji Andak bin Haji Jamak. Beliau ialah orang Melayu pertama yang mendapat pendidikan British. Oleh itu, beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai British dan pedagang asing di Johor.

Beliau ialah penasihat kepada Sultan. Tugas utama yang dilakukan oleh Dato' Seri Amar Diraja ini adalah mengawal hubungan yang dijalankan di antara kerajaan Johor dengan pihak British agar hubungan berjalan dengan seimbang. Dengan begitu, British tidak dapat mengambil kesempatan untuk menguasai dan menjajah negeri Johor. Beliau telah menjalankan tugasnya dengan baik sehingga terdapat pihak British yang amat tidak menyukainya kerana sikapnya yang tegas terhadap mereka, iaitu Gabenor Anderson. Beliau juga adalah pejuang yang memartabatkan bahasa Melayu. Mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan tegas dalam memelihara kedaulatan negeri Johor.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 69 18/6/2024 8:59:34 AM

ADEGAN 1

LATAR: Ruang pejabat Dato' Seri Amar Diraja (Abdul Rahman Andak)

DAHLIA muncul ke ruang pentas sambil menuju ke arah potret yang tergantung. DAHLIA menyambung mengemas pejabat itu sambil menyanyi.

AWANG:
Sedap suara kau Dahlia. Merdu! bak buluh perindu.

DAHLIA:
Eh, kau Awang. Terkejut aku! Bila kau datang? Kau mengendap aku nyanyi ya.

AWANG:
Asyik betul kau menyanyi, sampai aku datang pun kau tak sedar. Asyik memuji tuan kita tu je. Cuba sekali-sekali kau nyanyi untuk aku pula. Ada maknanya, lagipun aku ni kan lebih kacak dan bergaya…

DAHLIA:
Yalah tu… Kacaklah sangat! Kau tahu Awang, tiada siapa sebenarnya yang boleh menafikan kewibawaan Dato'. Abdul Rahman Andak. Terlalu besar sumbangannya kepada negeri Johor ini.

AWANG:
Ya ke?

DAHLIA:
Yalah… Dia merupakan pembesar Johor yang memainkan peranan yang besar menghalang kemasukan pengaruh British ke negeri Johor di Zaman Sultan Abu Bakar ini. Bantahannya itu walau tidak menggunakan senjata seperti pembesar Melayu yang lain tetapi beliau menggunakan lidahnya, pemikirannya dalam menentang Inggeris.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 70 18/6/2024 8:59:34 AM

Bab Dua

(Terjemahan)

"Abdul Rahman Andak"

Karya Penulisan:
Eddy Rusdi Abdullah

Cerita asal (skrip pendek):
Rohaidah Yon & Rahimah Muda

Diterjemah oleh:
Mah Izzati Mashitah binti
Mah Sinwanni
&
Rosdi bin Abdullah

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 89 18/6/2024 8:59:34 AM

ACTORS AND CHARACTERS:

1. ABDUL RAHMAN ANDAK
2. DAHLIA
3. ANDERSON
4. AWANG
5. MAK LEHA
6. KAMARIAH
7. SURAYA
8. SURIATI
9. HASSAN
10. SAZALI
11. MR. HENRY
12. LITA
13. CLUB DANCER 2
14. CLUB DANCER 3
15. CLUB WAITER (DANCING)
16. ZAIDI
17. ROKIAH
18. VILLAGE BOYS

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 90 18/6/2024 8:59:36 AM

SYNOPSIS

Abdul Rahman bin Andak (1850 - 1930) with the title The Royal of Dato' Seri Amar was a magistrate in Johor. His father is Haji Andak bin Haji Jamak. He was the first Malay to receive a British education. Therefore, he had close relations with British officials and foreign traders in Johor.

He is an advisor to the Sultan. The main task performed by The Royal of Dato' Seri Amar is to control the relationship between the Johor government and the British side so that the relationship runs smoothly. Thus, the British could not take the opportunity to dominate and colonise the state of Johor. He has done his job so well that there are British people who really dislike him because of his strict attitude towards them, namely Governor Anderson. He is also a warrior who dignified the Malay language. He also has a high patriotic spirit and is firm in preserving the sovereignty of the state of Johor.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 91 18/6/2024 8:59:38 AM

SCENE 1

BACKGROUND The Royal of Dato' Seri Amar's Office (Abdul Rahman Andak)

DAHLIA appears on the stage crosses to a hanging portrait. DAHLIA tidying up the office while singing.

AWANG:
You have a nice voice, Dahlia. Full of melody! Like bamboo perindu.

DAHLIA:
Eh! Awang. I'm surprised! When were you arrived? You stalked when I'm singing.

AWANG:
You are so focused when singing to the point you don't even know I came. Always praise our boss only. How about you sing for me? After all, I'm more handsome and stylish…

DAHLIA:
Yeah, right… So handsome! You know, Awang, no one can deny Dato' Abdul Rahman Andak's authority. His contribution to Johor is too great.

AWANG:
Really?

DAHLIA:
Yes… He is one of the Johor officials who played a big role in preventing the entry of British influence into the state of Johor during Sultan Abu Bakar's era. Although his objection did not use weapons like other Malay dignitaries, but he used his tongue, his thoughts in opposing the British.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 92 18/6/2024 8:59:38 AM

Percuma Dua Skrip Teater (Terjemahan Barat & Asia)

"Lagu Jacob Zulu"

Karya Penulisan:
Tug Yourgrau

Diterjemah oleh:
Mah Izzati Mashitah binti Mah Sinwanni
&
Rosdi bin Abdullah

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 111 18/6/2024 8:59:38 AM

WATAK

KORUS

Ketua KORUS

Pembeli dan Pekerja di pusat beli-belah Shaka's Roll

Majistret

Jurubahasa

Pengawal Penjara

Jacob Zulu

PN. Sibongile Zulu

Rev. Hezekaya Zulu

Marty Frankel

Pengawal

Martin Zulu

Beauty Dlamini

Jemaah

Pakcik Mdishwa

Makcik Miriam

Hakim Harry Neville

Anthony Dent

PN. Ida Ngobese

Paulus Van Heerden

John Dawkins

PN. Victoria Sabelo

Thompson Vilakazi

Michael Jeppe

En. Jeppe

En. X (Donald Thwala)

Dr. Jonathan Shaw

Fumani

Pelajar

Guru

Leftenan Kramer

Leftenan Malan

Zebulun Mbongeni

Percy

Ma Buthelezi

Itshe

Ruth Dube

Michael Dube

Guerrillas

Commissar / Komisar

Pihak Atasan Jacob

Philip Zulu

Pelakon perlu memainkan beberapa peranan. Pelakon yang melakonkan Jacob Zulu hanya perlu melakonkan watak itu sahaja.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 112 18/6/2024 8:59:40 AM

Latar

Lakonan ini adalah fiksyen. Watak dan peristiwa adalah komposit yang ditunjuk berdasarkan sejarah Afrika Selatan lebih 25 tahun yang lalu.

Aksi utama mengambil tempat di dalam bilik mahkamah yang fiksyen, Mahkamah Agung Afrika Selatan, Divisyen Pietermaritzburg, terletak di bandar pendalaman kecil Eshowe di wilayah Natal, pengetua Zulu - wilayah penutur negara. Berdirinya satu kerusi di pusat pentas atas melambangkan bangku kehakiman di mana tempat hakim duduk. Di atas dan belakang hakim adalah jata negara Afrika Selatan, oryx yang berleluasa dan springbok yang membingkai perisai. Di pentas atas belah kanan adalah kotak saksi; belah kiri pula kandang tertuduh di mana JACOB ZULU dibawa. JACOB melihat ke bawah pada penonton di mana dalam posisi penonton perbicaraan. MARTY FRANKEL, peguam bela, berdiri atau duduk di satu sisi pentas, dan ANTHONY DENT, pendakwa raya, berdiri atau duduk di sisi yang satu lagi.

Kawasan lapang di pusat pentas bawah adalah tempat arena pengetua untuk lakonkan semula kilas balik, seperti pembaptisan Jacob di gereja Rev. Zulu atau serangan polis di sekolah Jacob. Latar yang berlainan harus dicadangkan secara minimum, terutamanya oleh perubahan cahaya. Pementasan mesti beralih dengan pantas antara masa lalu dan kini.

KORUS mestilah bersepadu dalam pementasan lakonan sebanyak yang mungkin.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 113 18/6/2024 8:59:41 AM

AKSI SATU: BABAK 1

Gelap. Lagu bermula.

(Pentas luar)

KETUA:
Lalelani! [Dengar!]

KORUS:
Lalelani! Lalelani!

(Ulang diantara ayat)

(Cahaya keluar separa penuh. KETUA DAN KORUS masuk. Perlahan-lahan cahaya keluar penuh. Nyanyian semakin kuat)

KETUA:
Api yang marak,
Menerangi langit.
Dari tinggi di atas batu,
Turun ke laut.
Ia mengambil kanak-kanak.
Ia memakan masa depan.
Padamkan api, bukalah hati.
(Ulang tiga kali.)

KORUS:
Padamkan api, bukalah hati.
(Ulang dua kali.)

KETUA:
Ini adalah lagu seorang pemuda bernama Jacob Zulu …

KORUS:
Zulu!

KETUA:
Yang merana kerana dosa-dosa Afrika Selatan…

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 114 18/6/2024 8:59:41 AM

Percuma Dua Skrip Teater (Terjemahan Barat & Asia)

"Musim Luruh di Istana Han"

Karya Penulisan:
Ma Chih-yuan

Diterjemah oleh:
Mah Izzati Mashitah binti Mah Sinwanni
&
Rosdi bin Abdullah

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 247 18/6/2024 8:59:46 AM

WATAK

MAHARAJA HUHANYA

MAO YEN-SHOU, *penasihat*

MAHARAJA YUAN

WANG CHAO-CHUN, *Gundik Istana Ming*

WU-LU CH'UNG-TSUNG, *perdana menteri*

SHIH HSIEN, *sida*

UTUSAN KEPADA MAHARAJA HUHANYA

SIDA MUDA (EUNUCH), *pelayan Maharaja Yuan*

PEGAWAI AWAM *dan* TENTERA, SIDA-SIDA dan DAYANG-DAYANG.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 248 18/6/2024 8:59:47 AM

BAJI (THE WEDGE)

MAHARAJA HUHANYA masuk bersama KAUMnya.

MAHARAJA HUHANYA:
*(Berpuisi)*Angin musim luruh sesat di rumput khemah beta,
Cahaya bulan terjaga dek tangisan seruling.
Beta adalah ketua kepada seribu pemanah,
Tanah beta adalah daerah naungan Han.

MAHARAJA HUHANYA:
Beta ialah Maharaja Huhanya. Nenek moyang beta telah lama tinggal di Gurun, memerintah semua tanah yang tidak tercabar di utara. Memburu adalah kehidupan kami, berperang adalah pekerjaan kami. Untuk melepasi kami Maharaja Wen lari ke timur; takut akan kami Wei Chiang dari Kerajaan Tsin mendakwa demi keamanan. Apabila kerajaan-kerajaan Ch'in dan Han dalam peperangan dan terlibat dalam pertempuran di Dataran Pusat, negara kami menjadi negara yang sangat kuat. Datuk beta Mao-tun membuat pengepungan selama tujuh hari untuk Maharaja Kao dari Han di Pai-teng. Keamanan diantara dua negara kembali semula oleh kerana perancangan Lou Ching, yang meletakkan syarat bahawa puteri raja mestilah berkahwin dengan maharaja kami. Sejak dari hari Maharaja Hui dan Maharani Lu, ini telah menjadi tradisi. Semasa pemerintahan Maharaja Hsuan, banyak pergaduhan antara kita saudara dan kuasa negara kami semakin lemah. Kini, kaum beta memilih beta sebagai maharaja mereka. Tambahan pula, beta adalah anak saudara jauh rumah Han. Baru-baru ini, beta menghantar utusan untuk menawarkan penghormatan dan menuntut puteri raja untuk perkahwinan. Beta tidak tahu sama ada Maharaja Han akan bersiap sedia untuk penghormatan ini. Hari ini sangat indah! Mari kita berangkat ke gurun untuk memburu! *(Keluar dari pentas.)*

MAO YEN-SHOU masuk.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 249 18/6/2024 8:59:49 AM

Biodata Pengarang

Rosdi bin Abdullah atau nama penanya iaitu Eddy Rusdi Abdullah, dilahirkan di Endau Mersing, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Lembaga Endau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Hussein Endau. Kemudian beliau menyambung pengajian ke Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mersing, dari situlah beliau aktif menulis, bermula dengan penulisan puisi.

Kemudian beliau menyambung pengajian ke Akademi Seni Kebangsaan Kuala Lumpur (ASWARA) dalam bidang teater (diploma) dan beliau banyak mengambil elektif subjek penulisan, dari situlah bermulanya beliau menulis skrip teater. Beliau mendapat didikan secara profesional oleh tokoh penulisan terkenal Malaysia seperti Zakaria Ariffin, Dr. Roselina Khir Johari, Adman Salleh, Mahadi J. Murat, Wisran Hadi dan ramai lagi.

Kemudian beliau menyambung pengajian ke Universiti Malaya dalam bidang drama (ijazah). Di Universiti Malaya beliau aktif membuat persembahan dan menyertai pertandingan teater. Kejayaan demi kejayaan diraih oleh beliau seperti Johan Karnival Teater Universiti Malaya 2010 serta Johan Karnival Teater Universiti Malaya 2011 dan mendapat anugerah pengarah terbaik.

Beliau kemudiannya bekerja sebagai anak seni di Kuala Lumpur dan telah mengarah dan berlakon lebih 50 buah teater serta telah banyak menulis skrip teater, drama TV, TV program dan teater patungan.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 285 18/6/2024 8:59:50 AM

Pada 2011 beliau berpindah ke Batu Pahat dan berkhidmat di UTHM sebagai Tenaga Pengajar Kokurikulum. Manakala pada 2014 beliau telah berkhidmat di Pusat Kebudayaan Universiti, dari sinilah beliau aktif membawa para pelajar UTHM menyertai pertandingan teater. Kejayaan demi kejayaan telah diraih seperti Johan Festival Teater Negeri Johor 2012, Naib Johan Festival Teater Negeri Johor 2013, Johan Festival Teater Negeri Johor 2015, Naib Johan Pengisahan Kenegaraan Negeri Johor 2016, Johan Pengisahan Kenegaraan Negeri Johor 2019 dan Johan Pengisahan Kebangsaan 2020.

Beliau terlibat secara aktif dalam bidang seni lebih 20 tahun, kini beliau menerbitkan buku *Skrip Teater 3 Negara* adalah sebagai rujukan kepada generasi baru untuk membaca karya skrip teater lama dari dalam dan luar negara.

SKRIP TEATER 3 NEGARA.indd 286 18/6/2024 8:59:50 AM

Skrip TEATER 3 Negara

Skrip Teater 3 Negara adalah salah satu usaha untuk memberi dua versi skrip iaitu dalam Bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Melayu. Hal ini kerana banyak pertandingan dan pementasan yang memerlukan skrip dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di sekolah dan di IPT. Skrip teater ini telah lama disimpan dan ianya haruslah dikongsi kepada umum terutama penggiat seni teater, guru-guru, para pelajar sekolah, mahasiswa mahasiswi Universiti dan kolej serta masyarakat yang menggemari teater. Karya skrip teater dari 3 negara ini mempunyai latar cerita yang sangat menarik dan jika ianya dipentaskan sudah pasti penonton dapat merasai adat budaya tiga negara ini. Diharap dengan adanya buku ini, ianya menjadi platform kepada semua penggiat teater untuk mementaskan teater dari buku ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar dan penggiat teater

– *Rosdi Abdullah.*

Penerbit UTHM

ISBN 978-629-490-051-6

06200

9 786294 900516

Sila imbas kod untuk maklumat lanjut